

KUALA LUMPUR, 27 APRIL (BERNAMA) — NEGARA-NEGARA ASEAN MESTILAH BERSEDIA MENGHADAPI REJIM BARU TENAGA DENGAN TIDAK BANYAK BERGANTUNG KEPADA MINYAK MEMANDANGKAN MASALAH TENAGA DI MASA DEPAN AKAN LEBIH RUMIT LAGI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD DI SINI HARI INI.

BELIAU MENEKANKAN BAHAWA ASEAN TIDAK BOLEH TIDAK TERPAKSA BEKERJASAMA DALAM SOAL TENAGA MEMANDANGKAN DILEMA TENAGA DUNIA DAN MASALAH EKONOMI YANG DIHADAPI OLEH NEGARA-NEGARA ASEAN DAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG LAIN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI YANG BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN SIDANG KEDUA MENTERI-MENTERI EKONOMI ASEAN MENGENAI KERJASAMA TENAGA DI SINI, BAGAIMANAPUN BERPENDAPAT BAHAWA KEDUDUKAN TENAGA BAGI PERTUBUHAN ITU TIDAKLAH SAMA SEKALI TANPA HARAPAN LANGSUNG.

KATA BELIAU ALAM SEMULA JADI ASEAN DENGAN BEGITU BANYAK SUMBER TENAGA DAN SEKALIPUN NEGARA-NEGARA ASEAN MEMPUNYAI KEDUDUKAN SUMBER TENAGA YANG BERBEZA, KESEMUANYA KECUALI SINGAPURA MEMPUNYAI BANYAK TENAGA YANG BELUM DIGUNAKAN SEPENUHNYA. — BERSAMBUNG 1310/1B

B514:

MAHATHIR-ASEAN 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA +DALAM MENYUSUN STRATEGI PEMBANGUNAN TENAGA KITA, JANGANLAH DIPANDANG RINGAN KEUNTUNGAN YANG BOLEH DIPEROLEHI SECARA MENGGUNAKAN PENDEKATAN SERANTAU TERHADAP PENGGUNAAN SUMBER DAN PENGURUSAN.

+LAMBATNYA USAHA MENGGUNAKAN SUMBER TENAGA GANTIAN BOLEHLAH DISIFATKAN BERPUNCA DARI BESARNYA PELABURAN YANG DIPERLUKAN BAGI MEMAJUKANNYA YANG MUNGKIN AKAN MEMBEBAKAN OLEH SEBUAH NEGARA ANGGOTA+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA NEGARA-NEGARA ASEAN TERLALU BERGANTUNG KEPADA MINYAK UNTUK KEPERLUAN TENAGA MASING-MASING IAITU 82 PERATUS BAGI NEGERI THAI DAN 100 PERATUS BAGI SINGAPURA.

DENGAN DEMIKIAN KETIDAKSTABILAN BEKALAN MINYAK DUNIA SEPERTI YANG BERLAKU SEKARANG DAN KENAIKAN HARGA MINYAK MENTAH YANG BEGITU MENDADAK TELAH MEMAKSA NEGARA-NEGARA ASEAN BUKAN SAHAJA MENGURANGKAN PENGGANTUNGANNYA KEPADA MINYAK TETAPI JUGA MEMPELBAGAI-KAN ASAS TENAGA MASING-MASING DENGAN MEMBERI LEBIH KEUTAMAAN TERHADAP SUMBER-SUMBER TENAGA GANTIAN. — BERSAMBUNG 1315/1B

B515:

MAHATHIR-ASEAN 3 KUALA LUMPUR

KATANYA, PERANCANGAN MEREKA MESTILAH MENGAMBIL KIRA KETIDAK-STABILAN, TERUTAMA APABILA BERLAKU KEKURANGAN TENAGA.

BELIAU BERKATA: +KITA MESTILAH MENYIMPAN TENAGA SEBERAPA YANG BOLEH SUPAYA BAHAYA DAPAT DIELAKKAN.

+PENGALAMAN DALAM DEKAD YANG LALU TELAH MENGAJAR KITA SUPAYA MEMPUYAI STRATEGI YANG BOLEH MENGELAKKAN KITA DARI TERPERANGKAP AKIBAT TERPUTUSNYA BEKALAN MINYAK AGAR KITA DAPAT MENERUSKAN KADAR PERTUMBUHAN EKONOMI YANG MENGGALAKKAN SEKALIPUN BERLAKU KEMEROSOTAN DI KALANGAN NEGARA-NEGARA MAJU DAN BERTAMBAHNYA ANCAMAN PERLINDUNGAN PERNIAGAAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA NEGARA-NEGARA ASEAN PERLU MENGGUNAKAN DASAR MINYAK SEPERTI ITU.

BELIAU JUGA MENGHARGAI USAHA JAWATANKUASA ASEAN MENGENAI SAINS DAN TEKNOLOGI UNTUK MENGEMBANGKAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DALAM USAHA MENDAPATKAN TENAGA GANTIAN. — BER-SAMBUNG 1315/ZCM

B517:

MAHATHIR-ASEAN 4 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA GRID KUASA ASEAN MERUPAKAN SATU LAGI CADANGAN YANG MENARIK BAGI MENGADAKAN KERJASAMA SERANTAU DAN MUNGKIN MENAWARKAN PENYELESAIAN YANG TERBAIK BAGI PENGGEMBELINGAN SUMBER-SUMBER TENAGA YANG TIDAK BOLEH DIANGKUT DAN DIPERBAHARUI SEPERTI KUASA HAIDRO ELEKTRIK DAN GEOTHERMAL DI KALANGAN NEGARA ANGGOTA.

MENURUTNYA, TEKNOLOGI KINI BOLEH DIPEROLEHI BAGI PENGHANTARAN KUASA KE TEMPAT-TEMPAT YANG JAUH DENGAN KOS YANG EKONOMIK.

10  
INI BERMAKNA POTENSI HAIDRO ELEKTRIK YANG BERLEBIHAN DI SARAWAK SELAIN DARIPADA DISALURKAN KE SEMENANJUNG MALAYSIA, BOLEH JUGA DIBEKALKAN KE KALIMANTAN DI INDONESIA.

+BEGITU JUGA, PENGELUARAN HAIDRO ELEKTRIK INDONESIA DARI ASAHAN DI SUMATRA BOLEH DIEKSPORT KE SEMENANJUNG MALAYSIA, + UJARNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PADA MASA INI NEGARA-NEGARA ASEAN TERLALU BERGANTUNG PADA MINYAK BAGI HAMPPIR 80 PERATUS DARI-PADA JUMLAH PENJANAAN ELEKTRIKNYA DAN KAJIAN BARU-BARU INI MENUNJUKKAN KUASA ELEKTRIK ASEAN DIANGGARKAN AKAN MENINGKAT SEBANYAK KIRA-KIRA 30 GW. ANTARA SEKARANG HINGGA 1990. — BERSAMBUNG 1323/1B

B525:

MAHATHIR-ASEAN 5 KUALA LUMPUR

PELABURAN MODAL YANG DIPERLUKAN BAGI PERTAMBAHAN ITU DIANGGARKAN BERJUMLAH KIRA-KIRA \$46,000 JUTA (KIRA-KIRA AS\$20,000 JUTA).

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN JUMLAH SEBESAR ITU MENJADIKAN PENDEKATAN SERANTAU BAGI PERANCANGAN BEKALAN ELEKTRIK LEBIH PENTING DALAM USAHA MENGURANGKAN PENGGUNAAN MODAL DAN SUMBER-SUMBER TENAGA DENGAN MENGAMBIL KIRA FAEDAH YANG DIPEROLEHI DARI KERAJASAMA SEUMPAMA ITU.

BELIAU MENGAMBIL PERHATIAN BAHAWA LANGKAH TELAH PUN DIAMBIL UNTUK MENGHUBUNGKAN SISTEM TENAGA LEMBAGA LETRIK NEGARA DENGAN SISTEM YANG DIKENDALIKAN OLEH LEMBAGA PENJANAAN KUASA NEGERI THAI DAN LEMBAGA KEMUDAHAN AWAM SINGAPURA.

KATANYA, BELIAU JUGA GEMBIRA BAHAWA KETUA-KETUA LEMBAGA KEMUDAHAN AWAM ASEAN DALAM MESYUARAT MEREKA DI JAKARTA BARU-BARU INI TELAH BERSETUJU UNTUK MENIMBANGKAN SOAL HUBUNGAN ITU SECEPAT MUNGKIN.

MENYENTUH TENTANG ARANG BATU SEBAGAI SUMBER TENAGA GANTIAN, BELIAU BERKATA NEGARA-NEGARA ASEAN KECUALI SINGAPURA ADALAH KAYA DENGAN BAHAN TERSEBUT YANG DIANGGARKAN BERJUMLAH ANTARA 400 HINGGA 500 JUTA TAN DI MALAYSIA SEHINGGA 15,000 JUTA TAN DI INDONESIA. — BERSAMBUNG 1350/1B

## MAHATHIR-ASEAN 6 KUALA LUMPUR

BELIAU JUGA MENGAMATI BAHAWA SIDANG KUMPULAN PAKAR ASEAN MENGENAI ARANG BATU BARU-BARU INI BERPENDAPAT ARANG BATU DI ASEAN, JIKA DIMAJUKAN, AKAN MENCUKUPI UNTUK MENAMPUNG PENGGUNAAN SERANTAU SEBAGAI SATU BAHAN TENAGA BAGI PENJANAAN TENAGA, PERUSAHAAN SIMEN DAN LAIN-LAIN KEPERLUAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BAGAIMANAPUN MENINGATKAN MEREKA SUPAYA JANGAN MENGABAIKAN SUMBANGAN BESAR PENJIMATAN TENAGA, TERUTAMA SEMASA KENAIKAN HARGA MINYAK.

BELIAU MENYEBUT SATU LAPORAN BANK DUNIA BARU-BARU INI BAHAWA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN BOLEH MENGURANGKAN SEBANYAK 15 PERATUS PENGGUNAAN TENAGA DALAM TAHUN 1990 SECARA MENGADAKAN SATU PROGRAM PENGURUSAN PERMINTAAN TENAGA.

DALAM HUBUNGAN INI, BELIAU MERASAKAN USAHA UNTUK MENYIMPAN TENAGA MESTILAH DIJADIKAN TUNGGAK KERJASAMA TENAGA ASEAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK SENGAJA MENGENEPIKAN KERJASAMA MINYAK DI KALANGAN NEGARA-NEGARA TERSEBUT MEMANDANGKAN SUDAH SEDIA UJUD SKIM PERKONGSIAN MINYAK LUAR JANGKA ASEAN.

BELIAU MENYATAKAN SUNGGUHPUN MALAYSIA DAN INDONESIA MEMPUNYAI SUMBER PETROLIUM YANG PALING BAIK, KADAR PENGELUARAN TAHUNAN BAGI KE-DUA-DUA NEGARA ADALAH RENDAH. — BERSAMBUNG 1435/1B

## MAHATHIR-ASEAN 7 KUALA LUMPUR

MALAYSIA DAN INDONESIA SECARA POSITIF TELAH MENYAHUT PERMINTAAN BEKALAN MINYAK DARI NEGARA-NEGARA ANGGOTA ASEAN YANG TIDAK MEMPUNYAI MINYAK YANG MENCUKUPI, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

MENURUT BELIAU APA YANG PENTING JALAH SEMANGAT KERJASAMA DAN BUKAN JUMLAH YANG DIBEKALKAN.

SIDANG ITU DIPENGERUSIKAN OLEH MENTERI TENAGA, TELEKOM DAN POS MALAYSIA, DATUK LEO MOGGIE DAN DIHADIRI OLEH MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN TENAGA THAILAND, PANGLIMA THINAKORN BHANDUGRAVI, MENTERI PERLOMBONGAN DAN TENAGA INDONESIA, PROFESOR SUBROTO, MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN SINGAPURA, ENCIK GOH CHOK TONG DAN MENTERI TENAGA FILIPINA, ENCIK GEROMINO VELASCO.

TERDAHULU DARI ITU, DATUK MOGGIE DALAM UCAPANNYA BERKATA BANYAK USAHA TELAH DIJALANKAN UNTUK MELAKSANAKAN IKRAR MENTERI-MENTERI TENAGA SEJAK MEREKA MENGADAKAN SIDANG PERTAMA DI BALI TUJUH BULAN LALU. — BERSAMBUNG 1455/1B